

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENYERAHAN DAGING**  
**QURBAN SEMPENA HARI RAYA**  
**AIDILADHA KEPADA KAKITANGAN**  
**ANGKASA**

**19 JUN 2024 (RABU)**  
**9.00 PAGI**

**PERKARANGAN WISMA UNGKU A. AZIZ,  
KELANA JAYA**

Assalamualaikum  
Wabarakatuh,

Warahmatullahi

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari untuk melaksanakan salah satu ibadah yang sangat bermakna dalam agama, iaitu Agihan Daging Qurban Sempena Hari Raya Aidil Adha kepada kakitangan

ANGKASA. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga baginda, serta para sahibat baginda.

2. Alhamdulillah, kita baru sahaja menyambut Hari Raya Aidil Adha pada hari Isnin yang lepas dan saya yakin ramai dari antara kita telah

melaksanakan ibadah ini di komuniti masing-masing. Menjalankan Ibadah korban bukan sahaja menunjukkan ketaatan kita kepada perintah Allah S.W.T malah ianya adalah satu bentuk ibadah yang mengajar kita erti pengorbanan, keikhlasan, dan kebersamaan dalam membantu sesama saudara seagama.

3. Sebagai sebuah organisasi yang berlandaskan kepada prinsip dan jati diri koperasi, ANGKASA sentiasa komited dalam memastikan kebajikan komuniti terbela selaras dengan Prinsip Koperasi Ketujuh iaitu Berprihatin Terhadap Masyarakat.

4. Justeru majlis agihan daging korban pada hari ini adalah salah satu daripada inisiatif untuk meringankan beban kakitangan yang kurang bernasib baik, di samping mengeratkan ukhuwah dan silaturrahim antara kita semua.

## **Hadirin Hadirat Yang Dihormati Sekalian,**

5. Kita amat bertuah pada hari ini kerana daging qurban yang akan diagihkan ini ditaja oleh Yayasan Tengku Abdul Aziz Sultan Abu Bakar yang dipengerusikan oleh YM Tengku Hassanal Badyr Tengku Abdul Aziz,

dengan kerjasama anak syarikat Capital A Berhad – Ikhlas dan Yayasan Juwita serta Yayasan ANGKASA.

6. Untuk makluman para hadirin hadirat, sebanyak seekor lembu sado yang dianggarkan seberat **500kg** dikorbankan dan akan diagihkan kepada seramai **500 penerima** yang

terdiri daripada kakitangan ANGKASA yang berstatus OKU, Ibu Tunggal, Balu dan lain-lain. **200 kg kampit beras** juga akan disumbangkan kepada para penerima hari ini oleh Yayasan Tengku Abdul Aziz Sultan Abu Bakar.

7. Sumbangan ini juga dibuat termasuk kepada kakitangan Bukan

Eksekutif, Pekerja Khidmat Pembersihan Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya dibawah kelolaan Koperasi Kakitangan ANGKASA Berhad, kakitangan Taska Cahaya Mata dan juga pasukan pengawal keselamatan ANGKASA.

Hadirin Hadirat yang dihormati,

8. Untuk makluman para penyumbang yang dihormati, ANGKASA merupakan badan apeks yang diiktiraf oleh kerajaan dalam memayungi gerakan koperasi di seluruh negara yang berjumlah **15,809 buah** dan mempunyai perolehan sebanyak **RM64.6 Bilion** sehingga Disember 2023.

9. Sebagai badan induk, ANGKASA telah diberi tanggungjawab yang besar dalam membangunkan perniagaan gerakan koperasi agar ianya terus berdaya saing di pasaran domestik dan juga global. Malaysia juga amat bertuah kerana kepimpinan ANGKASA mempunyai kedudukan penting di peringkat antarabangsa

dan ini menjadi jambatan penghubung kepada akses peluasan produk dan perkhidmatan koperasi ke pasaran dunia.

10. Penglibatan koperasi yang meluas dalam sektor berimpak tinggi juga adalah satu langkah yang dapat memperkuuh kedudukan ekonomi

koperasi dan mampu memberikan faedah yang besar kepada masyarakat. Inilah fungsi sebenar koperasi, iaitu memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

11. Dengan menyertai sektor-sektor penting seperti pertanian, perindustrian, perkhidmatan, dan

teknologi, koperasi dapat membantu koperasi dapat membantu mempercepatkan pembangunan ekonomi negara serta memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Hadirin Hadirat yang dihormati,

12. Di kesempatan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini, kepada YM Tengku Hassanal Badyr Tengku Abdul Aziz termasuk para penderma yang telah sudi menginfakkan sebahagian daripada rezeki mereka

untuk ibadah korban tahun ini. Tidak lupa juga kepada semua petugas memastikan kelancaran agihan daging korban ini.

13. Marilah kita sama-sama berdoa agar ibadah korban kita diterima oleh Allah SWT dan menjadi asbab turunnya rahmat serta keberkatan dalam

kehidupan kita semua. Semoga dengan pengorbanan dan usaha kita ini, kita dapat membantu meringankan beban sesame saudara Islam kita.

14. Sekian ucapan ringkas saya pada hari ini. Saya berharap agar majlis ini berjalan dengan lancar dan segala

yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir dan terlibat. Semoga Allah SWT membalas segala kebaikan dan usaha kita dengan ganjaran yang berlipat ganda, insyaAllah.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah.

Wassalamualaikum  
Wabarakatuh.

Warahmatullahi